

BH 21/12

**H**arga minyak kekal pada Selasa dalam dagangan menjelang cuti akhir tahun, dengan pelabur mula melepaskan pegangan tanpa mengharapkan pengambilan baharu sehingga awal 2017.

Niaga hadapan minyak mentah Brent diniagakan AS\$54.88 satu tong pada 0821 GMT, susut 4 sen daripada penutup terakhir.

Niaga hadapan West Texas Intermediate (WTI) turun 17 sen kepada \$51.95 satu tong.

Peniaga berkata, pasaran dijangka kekal mendatar minggu ini.

“Saya fikir, berita-berita utama akan melonjakkan komoditi ini ke paras antara AS\$54 dan AS\$56 satu tong sehingga akhir tahun ini,” kata pedagang bahan api di Freight Investor Services (FIS), Dubai, Matt Stanley.

Sementara itu, penganalisis pasaran kanan di OANDA, Singapura berkata, berita mingguan yang ringan dan menjelang cuti umum menyebabkan pasaran tenang.

Laporan pada Isnin menyatakan eksport minyak mentah Arab Saudi jatuh sebanyak 176,000 tong sehari pada Oktober pada asasnya menyokong pasaran, namun kesan itu hilang ekoran peningkatan dalam eksport produk bahan api yang ditapis.

Bank Barclays berkata, ia menjangkakan potongan eksport mentah Arab Saudi menjejaskan sebahagian besar gred minyak mentah, yang kebanyakannya dieksport ke Amerika Syarikat.

“Kami percaya, Arab Saudi akan menyekat pengeluaran atau eksport bahan mentah dan minyak mentah yang lain pada musim bunga ini,” kata bank British itu.

**REUTERS**